



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI KHAMIS, 16 SYA'ABAN 1444 / 09HB MAC 2023
(HARI KEENAM)**

1. DO'A SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

**2.1. KENYATAAN TAMBAHAN DARIPADA AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA KERANA JAWATAN**

2.1.1. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah diberikan ruang untuk menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik pada hari yang kelima.

2.2. KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

2.2.1. Jawatankuasa telah menimbangangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A.

2.2.2. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyampaikan mukadimahya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

2.2.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, iaitu:

- i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman
 - Berharap agar pihak Kementerian mengambil tindakan untuk menaik taraf Bandar Seri Begawan dan bandar-bandar lain.
 - Berharap agar fasa kedua projek Pembangunan Semula Kampong Air dapat dimulakan dengan mengambil contoh dan dapat ditambahbaik dari fasa pertama, bagi kesejahteraan penduduk di Kampong Air.
 - Berharap agar pihak Jabatan Buruh mengambil langkah tertentu untuk meneliti semula peraturan yang ada berkaitan pekerja asing, mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat dan mengambil tindakan yang tegas bagi sebarang pelanggaran undang-undang atau peraturan-peraturan.

- ii. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam
 - Memohonkan pencerahan sejauh mana penglibatan golongan asnaf, fakir dan miskin dan penerima-penerima bantuan dalam projek 1 Kampung 1 Produk (1K1P);
 - Memohonkan data atau statistik bagi 10 tahun kebelakangan mengenai jumlah peserta yang mengikuti projek 1 Kampung 1 Produk (1K1P), jumlah pengusaha yang mampu bertahan dalam projek perusahaan berkenaan, jumlah pengusaha yang berhenti setelah 6 bulan mengikuti projek berkenaan dan punca mereka berhenti;
 - Mencadangkan bagi pengusaha-pengusaha di bawah projek 1K1P tersebut dibantu menerusi skim pinjaman khas dari Bank Usahawan untuk mengembang majukan perusahaan;
 - Memohonkan pencerahan sekiranya pihak Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri membuat analisa untuk mengenalpasti jenayah tertinggi yang menyumbang kepada kemasukan

semula banduan ke dalam penjara serta punca kemasukan semula itu;

- Mencadangkan untuk mendidik masyarakat awam untuk tidak memandang negatif dan turut memberikan sokongan kepada bekas-bekas banduan melalui media massa dan program-program komuniti yang bersesuaian.
- Menyentuh tentang kemajuan bandar, khususnya dalam penambahbaikan yang telah dibuat kepada infrastruktur dan taman-taman rekreasi, agar tempat-tempat ini terus diberi penyelenggaraan.

iii. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin

- Menyoalkan mengenai persediaan negara dalam menangani pelbagai bencana dan wabak penyakit berjangkit terutamanya sekiranya berlaku secara serentak;
- Menyoalkan apakah *Standard Operating Procedure* sekiranya berlaku *industrial accident* yang terjadi di industri yang berkaitan *combustible hydrocarbon*.
- Menyoalkan tahap ketersediaan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dari aspek SOP, kemahiran dan kepakaran serta peralatan menghadapi semua senario, dan mencadangkan Kementerian Dalam Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengenal pasti dan membuat penilaian akan perjanjian-perjanjian kerjasama dengan negara-negara yang berkemampuan untuk menangani bencana mengikut kepakaran masing-masing, dan membuat *live exercise* untuk meningkatkan kecekapan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan.

iv. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin

- Mencadangkan bagi menghapuskan rekod-rekod jenayah bagi bekas-bekas banduan, dengan syarat-syarat dan peraturan yang tertentu bagi

mbolehkan mereka mendapatkan pekerjaan dan menjalani kehidupan yang normal;

- Menyoalkan sama ada Pegawai-Pegawai Bomba mempunyai pampasan insurans dan elaun khas yang mencukupi;
- Mencadangkan agar pemegang jawatan Pemangku Penghulu dan Ketua Kampung untuk dibayar selayaknya selaras dengan beban tugas dan tanggungjawab;
- Memohonkan status perkembangan projek menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai '*Garden in the City*'.

v. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee

- Menyeru bagi isu tingkah laku pekerja yang memberi kesan kepada integriti dan kestabilan pasaran tenaga kerja perlulah ditangani dengan serius dan tegas;
- Mencadangkan agar pihak kementerian untuk bekerjasama dengan agensi-agensi berkenaan dalam mengadakan bengkel kepada pencari-pencari kerja mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan pekerjaan yang meliputi hak-hak pekerja majikan;
- Mencadangkan bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk meneliti dan mempertimbangkan pelaksanaan *Digital Nomad Visa Programme* di Negara Brunei Darussalam bagi menarik bakat *remote workers ke negara ini*.

vi. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub

- Menyeru keupayaan bagi mengaplikasikan dan mengadaptasikan teknologi ini dapat membantu meningkatkan kualiti kepimpinan kepada anak-anak buah masing-masing. Penggunaan teknologi digital banyak membantu didalam menyampaikan maklumat dalam lebih produktif dan konsisten kepada masyarakat Brunei. Oleh itu, mengharapkan melalui perbelanjaan negara ketiga, akan beroleh manfaat.

- Menyoalkan mengenai inisiatif dan program-program bagi meningkatkan kemahiran dan kepimpinan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung berkaitan penggunaan teknologi.
- vii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman
- Mencadangkan Ketua Kampung dan Pemangku Ketua Kampung untuk diberikan perlindungan insurans dan diberikan tunjuk ajar *Standard of Procedure* (SOP) keselamatan sewaktu pengagihan gaji tua dan bantuan kebajikan kepada orang-orang kampung.
 - Menyarankan bagi kerja-kerja pembaikan jalan-jalan kecil di Daerah Belait dan Daerah Tutong.
- viii. Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin
- Menyoalkan akan usaha pihak Kerajaan dalam menangani perkara yang berkaitan peniaga-peniaga kecil di tepi jalan demi membantu mereka menjalankan perniagaan dengan lebih selesa dan selamat seperti menyediakan tempat-tempat yang lebih strategik untuk berjaja / berniaga.
- ix. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann
- Memohon pencerahan mengenai status perkhidmatan Ketua Rumah-Rumah Panjang di Daerah Belait;
 - Memohon pencerahan mengenai isu permohonan kerakyatan yang sudah lulus dalam ujian bertulis, tetapi belum lagi diberikan status kerakyatan.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]

2.3. **KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

2.3.1. Jawatankuasa telah menyambung untuk menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A.

2.3.2. Jawatankuasa telah membukakan bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk menyampaikan pendapat dan persoalan mereka, iaitu:

i. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin

- Menyeru bagi pegawai-pegawai daerah untuk tinggal bermastautin di daerah ditugaskan;
- Memohon pencerahan mengenai jumlah *work permit* yang telah dikeluarkan dan yang masih aktif untuk digunakan, termasuk pecahan kategorinya; dan pencerahan mengenai agensi yang dipertanggungjawabkan bagi menilai keperluan *work permit* untuk dikeluarkan;
- Mencadangkan untuk diadakan *work permit levy*, dan untuk dimasukkan jumlah *levy* yang dikumpulkan ke dalam Dana Pembangunan Kemahiran untuk melatih anak-anak tempatan dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan;
- Memohonkan pencerahan mengenai statistik kekosongan petak-petak kedai, bangku perniagaan di bangunan komersial kerajaan atau pasar, dan mencadangkan untuk memberigakan terma dan syarat untuk mendapatkan petak/bangku tersebut;
- Mencadangkan untuk mengadakan lebih banyak tempat *pop-up sites* bagi memberi peluang kepada kalangan belia untuk berniaga tanpa perlu kepada polisi syarat lesen dan sewa yang murah;
- Menyeru untuk dipantau tempat perniagaan bumiputera orang tempatan dan memastikan ianya dijalankan oleh orang tempatan sahaja;
- Mencadangkan untuk diberikan imbalan kepada Pemangku Penghulu dan Ketua Kampung pada akhir tamat tempoh, dan mempertimbangkan untuk diberi

- peluang bertanding dan diundi walaupun tidak menepati skim Penghulu dan Ketua Kampong;
 - Menyentuh akan isu-isu mantan penghulu dan ketua kampung yang diambil semula sebagai pemangku penghulu dan ketua kampung ini akan diberikan satu pampasan atau anugerah selepas tamat perkhidmatan mereka sebagai pemangku;
 - Menyoalkan sekiranya pihak kerajaan membuat sebarang tindakan atas rumah-rumah kerajaan yang terbiar untuk diubahsuai atau digunapakai oleh orang-orang yang tertentu.
- ii. Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan
- Menyentuh mengenai isu anjing liar yang boleh menjejaskan keselamatan orang-orang awam dan berharap ianya ditangani secepatnya.
- iii. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir
- Memohonkan bagi skim tangga gaji pegawai dan ahli bomba untuk dibuat perubahan dan juga dikekalkan pemberian elaun sara hidup selepas bersara;
 - Memohon bagaimana mengatasi isu-isu pili bomba yang sering dirosakkan atau dicuri yang menyukarkan pasukan bomba untuk beroperasi jika berlaku sebarang kecemasan.
- iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf
- Menyentuh mengenai isu sungutan para pelabur, peniaga dan pengusaha-pengusaha asing yang sudah lama tinggal di Negara Brunei Darussalam yang telah tidak dibenarkan mendapatkan Lesen Pekerja Asing ketika mencapai usia 55 tahun dan menyoalkan bagaimana untuk menarik *confidence* golongan pelabur-pelabur asing yang dimaksudkan ini untuk tetap melabur di Negara Brunei Darussalam.
 - Memohon pencerahan mengenai strategi dan inisiatif pihak kementerian atau Jabatan Imigresen dan

Pendaftaran Kebangsaan untuk mengemaskini dan menambahbaik perkhidmatan supaya menjadi lebih efisien dan berkualiti.

- Memohon penjelasan mengenai langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keberkesanan kutipan tunggakan cukai bangunan.
- Mencadangkan bagi menaiktaraf atau mengubahsuai Gerai Tamu Selera supaya lebih sesuai dilihat oleh para pelancong.
- Mengharapkan agar Anugerah Kampong Cemerlang dihidupkan semula untuk memberi semangat memajukan kampung.

v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim

- Mengharapkan agar Projek Fasa 2 Pembisaian Kampong Ayer untuk dilaksanakan dengan secepat mungkin;
- Menyoalkan mengenai keberkesanan projek mengutip sampah-sarap di Kampong Ayer dan apakah langkah ke hadapan yang dapat diusahakan bagi menangani perkara tersebut secara holistik;
- Mencadangkan untuk mengenakan denda dan perlu untuk menjalani *community service* sebagai cara untuk membudayakan orang ramai menghargai alam sekitar yang bersih;
- Menyoalkan mengenai usaha-usaha baharu untuk menceriakan lagi kawasan-kawasan bandar terutama di waktu malam dan mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan kepada belia-belia tempatan untuk dilaratkan ke kawasan Dermaga, disamping mencadangkan untuk dibangunkan semula gerai-gerai makan di Jalan Residency;
- Mencadangkan untuk meneliti *viability* untuk menjadikan pejabat kerajaan dan bangunan-bangunan bersejarah yang boleh dipelihara menjadi tempat lawatan pelancong yang dilengkapi dengan butir-butir sejarahnya;

- Bertanyakan cadangan tentang pejabat kerajaan dan bangunan bersejarah yang lama untuk dijadikan tempat bersejarah untuk menarik pelancong, disamping mencadangkan untuk membuat *face lifts* bagi bangunan komersial yang sudah usang di kawasan Bandar Seri Begawan;
 - Menyoalkan sama ada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mempunyai rancangan untuk meneliti atau melaksanakan dasar pemberian *long term passes* pelabur-pelabur asing ke negara ini.
- vi. Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat
- Menyoalkan mengenai maklumbalas atas perubahan yuran pengambilan pekerja domestik;
 - Mencadangkan pemangku-pemangku ketua kampung dan penghulu kampung yang memangku melebihi lima tahun diberi kesempatan untuk ditetapkan melalui temuduga dan pengundian orang-orang kampung atas dasar pengalaman mereka.
- vii. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin
- Menyoalkan tempoh pemprosesan Lesen Pekerja Asing yang dibuat secara dalam talian;
 - Menyoalkan rancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memastikan perusahaan 1K1P berdaya tahan;
 - Menyoalkan pihak Kerajaan untuk mengenakan cukai atau yuran kepada pekerja asing;
 - Mengesyorkan agar pekerja asing untuk menggunakan penerbangan Royal Brunei (RB) atau pun penerbangan *code share* bersama pihak RB.
- viii. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan
- Ingin mengetahui jika ada perubahan dasar-dasar dan perlembagaan yang berhubungkait dengan peranan dan fungsi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK).

- 2.3.3. Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI SABTU, 11HB MAC 2023 JAM 9.30 PAGI]
